

Sedia beri kerjasama cegah jenayah alam sekitar

Pengawasan di tapak pembinaan akan dipertingkatkan elak aliran tersumbat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Wilayah Persekutuan sedia bekerjasama dengan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar bagi menangani isu berkaitan kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur.

Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar di bawah seliaan Kementerian Alam Sekitar dan Air dengan kerjasama Kementerian Pertahanan serta Kementerian Dalam Negeri (KDN) itu dijadual di lancarkan di Putrajaya, hari ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata ia berikutan laporan awal kejadian banjir kilat di Lembah Klang, Khamis lalu, dikatakan berpunca daripada mendapan tapak binaan

dan hujan lebat yang berterusan.

Selain itu, katanya, tahap kecekapan dan pengawasan di tapak pembinaan sekitar Kuala Lumpur yang dikatakan pada jumlah terlalu banyak, akan ditingkatkan bagi mengelak kejadian saliran tersumbat susulan mendapan.

“Kita akan kerjasama dengan semua kementerian tetapi saya katakan tadi jangan hanya sekali lalu sahaja sebab masalah tidak akan selesai kalau tiada pelan mitigasi yang betul.

“Longkang penuh dengan mendapan dan ini adalah fakta yang semua orang pun boleh nampak. Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap tapak pembinaan sangat tegas.

“Bagaimanapun, tiada pihak



Annuar bersama sukarelawan pada Program Pengindahan di Taman Awam Bukit Kiara, semalam. (Foto BERNAMA)

berkuasa yang boleh mengawal semua perbuatan manusia baik buang sampah, longkang tersumbat dan sebagainya,” katanya pada sidang media Program Pengindahan Taman Awam Bukit Kiara di sini, semalam.

Kelmarin, *BH* melaporkan penilaian awal Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendapati mendapan tapak binaan dan hujan lebat berterusan hingga tidak mampu ditampung takungan sedia ada, menjadi punca banjir kilat di Lembah Klang, Khamis lalu.

Hujan lebat antara jam 1 tengah hari hingga 6 petang itu menyaksikan 13 stesen JPS merekodkan bacaan hujan melebihi 100 milimeter (mm), manakala Stesen

“Kita akan bekerjasama dengan semua kementerian tetapi saya katakan tadi jangan hanya sekali lalu sahaja sebab masalah tidak akan selesai kalau tiada pelan mitigasi betul.

Annuar Musa,
Menteri Wilayah Persekutuan

Gombak Simpang Tiga merekodkan bacaan lebih 200mm.

Dalam pada itu, Annuar turut mencadangkan supaya sistem amaran awal banjir dibangunkan bagi kawasan sekitar Kuala Lumpur khususnya membabitkan hampir 50 lokaliti panas yang dikenal pasti sering dinaiki air.

“Ia boleh dipadankan dengan sistem navigasi sedia ada yang boleh memberikan amaran awal kepada pengguna jalan raya atau penduduk setempat.

“Bukannya apabila ada sistem ini, banjir tidak berlaku. Sekurang-kurangnya penduduk tempatan boleh melakukan persiapan awal jika mereka tahu lebih awal,” katanya.

